



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/01/11_01 (HQ)

PERALIHAN TENAGA TNB TEPATI AGENDA NEGARA TANGANI PERUBAHAN IKLIM

- Peralihan tenaga TNB sejajar fokus NRECC terhadap usaha menangani perubahan iklim
- Kerajaan menggalakkan perkembangan ekosistem peralihan tenaga
- Hala Tuju Kelestarian TNB 2050 capai pelepasan karbon sifar bersih selari komitmen ESG

Langkah Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerajui pelaksanaan peralihan tenaga dengan aspirasi pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050, menepati agenda negara menangani perubahan iklim, kata Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad.

“Saya amat tertarik dengan Pelan Peralihan Tenaga TNB (TNB Energy Transition Plan), untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050, selari dengan hasrat kerajaan untuk terus membekalkan elektrik kepada rakyat ke arah kehidupan yang lebih sejahtera dan lestari, dengan komitmen memenuhi kriteria Alam Sekitar, Sosial & Tadbir Urus (ESG).”

Memuji usaha TNB beralih kepada tenaga solar, hidro serta teknologi penjanaan menggunakan hidrogen dan ammonia bagi mengurangkan pelepasan karbon, beliau berkata, ianya permulaan yang baik bagi menangani isu perubahan iklim dan mencapai ekonomi kitaran pelepasan sifar bersih.

“Kerajaan akan memberi sokongan sewajarnya untuk membentuk polisi bagi menggalakkan perkembangan ekosistem peralihan tenaga negara,” katanya berucap kepada warga kerja TNB sempena lawatan kerja pertamanya ke Ibu Pejabat TNB di Bangsar pada Selasa, 10 Januari 2023.

Tegasnya, NRECC komited untuk meningkatkan penjanaan elektrik daripada sumber Tenaga Boleh Baru (TBB) melalui Pelan Pembangunan Penjanaan Pembekalan Elektrik 2021-2039.

“Mengambil kira kepentingan mengimbangi permintaan tenaga dan mengurangkan pelepasan karbon, NRECC juga akan terus memacu inisiatif kecekapan dan penjimatan tenaga melalui Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara,” katanya.

Beliau mendapat taklimat daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato’ Indera Ir. Baharin Din mengenai peranan penting TNB dalam memastikan bekalan elektrik yang selamat, berdaya harap dan berkualiti kepada lebih 9.66 juta pelanggan di Semenanjung Malaysia.

“Kementerian menyedari bahawa sebahagian besar keuntungan TNB digunakan untuk membangunkan aset-aset utama Syarikat bagi mengukuhkan lagi sistem perbekalan elektrik negara demi kesejahteraan rakyat amnya,” ulas Nik Nazmi.

Mengakui bahawa perkembangan TNB sentiasa dekat dengan hatinya, beliau menambah kata, pelaburan infrastruktur elektrik amat penting demi komitmen TNB sebagai peneraju peralihan tenaga negara.

“Selepas penswastaan, TNB menjadi antara GLC paling berjaya bukan sahaja dari segi perkhidmatan bekalan elektrik, tapi juga dividen kepada GLIC. Sumbangan ini sangat besar dan ia dapat dinikmati rakyat,” kata Nik Nazmi.

Justeru, katanya, NRECC amat menghargai peranan dan usaha TNB sejak zaman National Electricity Board atau Lembaga Letrik Negara (NEB/LLN) lebih 73 tahun lalu dalam menyempurnakan tanggungjawab utama memastikan kestabilan perbekalan elektrik negara di samping melaksanakan tanggungjawab sosial dan pembangunan ekonomi.

Beliau turut melawat bilik operasi National Load Dispatch Centre (NLDC). Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga (ST), Dato’ Ir. Abdul Razib Dawood; Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga) NRECC, Dato’ Mohamad Razif Abd Mubin, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar) NRECC, Noor Afifah Abdul Razak dan barisan pengurusan tertinggi TNB.

Baharin pula berkata, sebagai syarikat yang peka dengan isu perubahan iklim, TNB mengambil langkah berani dan mengumumkan aspirasi Hala Tuju Kelestarian 2050 dan komitmennya dalam menerajui perjalanan peralihan tenaga Malaysia.

“Selain sasaran pelepasan karbon sifar bersih daripada sektor penjanaan, langkah-langkah mempercepatkan pacuan peralihan tenaga termasuk meluaskan pasaran Tenaga Boleh Baharu (TBB), memperkasa grid dan membangunkan ekosistem Kenderaan Elektrik (EV).

“Kesemua langkah ini menyumbang kepada kesejahteraan alam dalam menangani perubahan iklim. Ia adalah transformasi penjanaan elektrik dan pacuan sektor pertumbuhan baharu berkaitan peralihan tenaga termasuk mobiliti rendah karbon, penyimpanan tenaga (*energy storage*) serta tenaga baharu seperti hidrogen,” katanya.

Dalam menuju pelepasan karbon sifar bersih 2050, katanya, TNB komited mencapai sasaran penjanaan 8,300MW TBB pada 2025, diikuti pengurangan 35% intensiti pelepasan karbon dan 50% kapasiti penjanaan arang batunya menjelang 2035.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 11 Januari 2023, jam 10:00 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad (empat, kiri) diiringi Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (tiga, kiri) mendengar penerangan mengenai Projek Hidroelektrik Nenggiri disampaikan oleh Pengarah Urusan TNB Genco, Dato' Nor Azman Mufti (dua, kiri) ketika Lawatan Kerja Delegasi NRECC ke Ibu Pejabat TNB Bangsar, Kuala Lumpur semalam (10 Januari 2023).